HELEN YEAP POH SIM & YANG LAIN

lwn.

UNIVERSAL TRUSTEE (MALAYSIA) BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
RAUS SHARIF H
[SAMAN PEMULA NO: 24-784-98]
30 JUN 2001

PROSEDUR SIVIL: *Penghinaan mahkamah - Permohonan perintah komital - Kegagalan defendan mematuhi perintah mahkamah - Samada sengaja - Samada dengan alasan munasabah - Samada permohonan plaintif-plaintif mempunyai asas untuk mengkomitkan defendan*

Plaintif-plaintif telah memohon satu perintah mengkomitkan defendan berasaskan kegagalannya untuk membekalkan plaintif-plaintif dengan akaun-akaun yang diodit untuk tahun 1985, 1986 dan 1987 (akaun-akaun) bagi harta pusaka seorang simati; selaras dengan perintah mahkamah bertarikh 8 Februari 1999. Pihak plaintif-plaintif berhujah bahawa defendan telah dengan sengaja tidak mematuhi perintah mahkamah berkenaan untuk mengemukakan akaun-akaun tersebut, dan dengan demikian telah menghina mahkamah serta tidak menghormati undang-undang.

Diputuskan:

[1] Defendan mengemukakan alasan bahawa sebab akaun-akaun itu tidak diodit adalah kerana surat kuasa mentadbir harta pesaka simati hanya diperolehi pada tahun 1988. Dengan alasan yang munasabah ini, soal defendan dengan sengaja tidak mematuhi perintah mahkamah tidak seharusnya timbul.

[2] Perintah mahkamah berkenaan hanya menyebut "akaun-akaun terkini yang dioditkan", maka akaun-akaun tersebut tidak boleh dikategorikan sebagai akaun terkini. Sejurusnya, defendan telahpun memberi akaun-akaun yang dioditkan dari tahun 1988 sehingga 1998, maka pemberian itu adalah melebihi dari apa yang boleh dimaksudkan dari perintah mahkamah tersebut. Kesimpulannya, perintah mahkamah itu tidak boleh dijadikan asas kepada permohonan plaintif-plaintif untuk mengkomitkan defendan.

[Permohonan plaintif-plaintif ditolak dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:

Hong Leong Finance Co Bhd v. Lee Geng & Anor [1990] 2 CLJ 752; [1990] 1 CLJ (Rep) 378 ***(diikuti)***

Re Bramblevale Ltd [1970] 1 Ch 128 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 52 r. 2(2)

Sumber lain yang dirujuk:
Halsbury's Law of England, 4th edn

Bagi pihak plaintif-plaintif - Edward Endrew; T/n Ghazi & Lim
Bagi pihak defendan - Leong Wai Hong (Claudia Cheah Pek Yee); T/n Skrine & Co

Dilaporkan oleh Raja Vishnu Sivarajah

PENGHAKIMAN

Raus Sharif H:
Plaintif-plaintif melalui notis usul pemula bertarikh 21 Jun 2000, di lampiran 15 telah memohon satu perintah pengkomitan terhadap Liew Kok Wah, selaku pengurus besar Universal Trustee, iaitu defendan, kerana gagal untuk membekalkan plaintif-plaintif akaun-akaun yang diodit bagi harta pusaka Yeap Hock Hoe, simati, bagi tahun-tahun 1985, 1986 dan 1987 selaras dengan perintah mahkamah bertarikh 8 Februari 1999 dan 7 September 1999. Latar belakang kes yang membawa kepada permohonan ini menunjukkan bahawa plaintif-plaintif pada 8 Februari 1999 telah memperolehi perintah mahkamah berbunyi seperti berikut:

DIHADAPAN YANG ARIF HAKIM
DATO' JEFFREY TAN KOK WHA
PADA 8HB FEBRUARI 1999 **DALAM KAMAR**

DI ATAS PERMOHONAN Plaintif-Plaintif melalui Saman Pemula bertarikh 31hb Julai 1998 (lampiran 2) dan **DAN SETELAH MEMBACA** Afidavit Sokongan Helen Yeap Poh Sim yang diikrarkan pada 18hb Julai 1998 (lampiran 1) **DAN SETELAH MENDENGAR** Edward Andrew bagi pihak Plaintif-Plaintif dan Tai Foong Lam bagi Defendan-Defendan.

MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN BAHAWA Defendan membekalkan butiran-butiran dan akaun-akaun terkini yang diodit bagi kesemuanya harta pusaka Yeap Hock Hoe, si-mati dalam tempoh (21) hari dan tarikh perintah ini dan kos bagi permohonan ini dibayar oleh Defendan secara peribadi dan bukan dari harta pusaka.

Bertarikh pada 8hb Februari 1999

t.t
Penolong Kanan Pendaftan
Mahkamah Tinggi
Pulau Pinang

Oleh kerana tempoh masa 21 hari yang dinyatakan dalam perintah bertarikh 8 Februari 1999 tersebut telah tamat sebelum penyerahan ke atas defendan, pihak plaintif telah membuat permohonan perlanjutan masa untuk penyerahan perintah mahkamah tersebut dan mahkamah melalui perintah bertarikh 7 Mei 1999 telah memberikan masa selama 30 hari kepada defendan untuk mematuhi perintah mahkamah bertarikh 8 Februari 1999.

Kedua-dua perintah tersebut telah diserahkan secara peribadi kepada pegawai defendan, Liew Kok Wah dan berikutan dengan itu Liew Kok Wah telah menghantar akaun-akaun yang diodit bagi tahun-tahun 1988 hingga 1998. Liew Kok Wah tidak menghantar akaun-akaun yang diodit bagi tahun-tahun 1985, 1986 dan 1987. Untuk tahun-tahun tersebut, beliau hanya memberikan akaun-akaun yang tidak diodit. Liew Kok Wah telah memberitahu pihak plaintif bahawa akaun-akaun bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 tidak diodit kerana surat kuasa mentadbir harta pusaka simati hanya diperolehi pada 1988.

Jadi permohonan plaintif untuk mengkomitkan Liew Kok Wah adalah diasaskan atas kegagalan Liew Kok Wah membekalkan akaun-akaun yang diodit untuk tahun 1985, 1986 dan 1987 bagi harta pusaka Yeap Hock Hoe, simati. Menurut pihak plaintif, Liew Kok Wah dengan sengaja tidak mematuhi perintah mahkamah bertarikh 8 Februari 1999 dan dengan itu menghina mahkamah serta tidak menghormati undang-undang.

Di permulaan pendengaran permohonan plaintif-plaintif tersebut, peguam yang mewakili Liew Kok Wah telah membangkitkan dua bantahan awal terhadap permohonan tersebut iaitu:

(i) Perintah mahkamah bertarikh 8 Februari 1999 yang menjadikan asas untuk mengkomitkan Liew Kok Wah, adalah tidak jelas;

(ii) Pernyataan menurut Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi iaitu A. 52 k. 2(2) yang difailkan oleh plaintif seperti di kandungan 13 tidak dengan jelas menyatakan apakah kemungkiran perintah yang dibuat oleh Liew Kok Wah.

Pada saya, persoalan yang perlu diputuskan dalam permohonan ini ialah samada kegagalan Liew Kok Wah membekalkan akaun-akaun yang diodit bagi harta pusaka Yeap Hock Hoe, simati, bagi tahun-tahun 1985, 1986 dan 1987 adalah melanggari perintah mahkamah bertarikh 8 Februari 1999 yang menyebut:- “Maka Adalah Diperintahkan Bahawa defendan membekalkan butiran-butiran dan akaun-akaun yang terkini bagi kesemua harta pusaka Yeap Hock Hoe, simati ...” dan dengan itu merupakan suatu penghinaan terhadap mahkamah dan boleh dijadikan asas untuk mengkomitkan Liew Kok Wah ke penjara. Di dalam memutuskan persoalan tersebut, saya sedar akan betapa pentingnya sesuatu perintah mahkamah itu diikuti dengan sepenuhnya. Namun

demikian, harus juga diingat bahawa kuasa mahkamah untuk mengkomitkan seseorang ke penjara kerana kegagalan mematuhi perintah mahkamah itu perlu dijalankan dengan berhati-hati. *Halsbury's Law of England*, 4th edn, menyatakan:

> 465. Power of court to punish by committal or sequestration. The power to order committal for civil contempt is a power to be exercised with great care. The court will only punish disobedience to an order of the court, or non-compliance with an undertaking, if satisfied that the terms of the order or undertaking are clear and unambiguous, that the defendant has proper notice of the terms and that a breach of the order or undertaking has been proved beyond reasonable doubt.

Di dalam kes *Re Bramblevale Ltd* [1970] 1 Ch 128, Lord Denning MR telah menyatakan:

> A contempt of court is an offence of a criminal character. A man may be sent to prison for it. It must be satisfactorily proved. To use the time-honourable phrase, it must be proved beyond reasonable doubt.

Prinsip-prinsip undang-undang tersebut di atas telah dipakai oleh Zakaria Yatim (H) (pada masa itu) dalam kes *Hong Leong Finance Co Bhd v. Lee Gee & Anor* [1990] 2 CLJ 752. Di dalam kes tersebut, defendan pertama telah diperintahkan oleh mahkamah untuk memberitahu pihak plaintif "the whereabouts of the documents, goods and accessories mentioned below". Defendan pertama telah menulis surat kepada peguam pihak plaintif yang menyatakan di mana terletaknya jentera-jentera dan dokumen sebagaimana yang diminta oleh pihak plaintif. Zakaria Yatim (H) dalam menolak permohonan pihak plaintif untuk mengkomitkan defendan pertama ke penjara kerana tidak mematuhi perintah tersebut telah memutuskan bahawa surat yang ditulis oleh defendan pertama telahpun mematuhi perintah mahkamah tersebut. Menurutnya, perintah mahkamah tersebut adalah luas maknanya dan dengan itu perintah pengkomitan tidak boleh dibuat jika perintah mahkamah itu tidak jelas dan mempunyai makna yang kabur.

Jadi berpandukan prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas, atas fakta kes ini, saya tidak dapat mengatakan bahawa Liew Kok Wah telah dengan sengaja melanggar perintah mahkamah bertarikh 8 Februari 1999 apabila beliau gagal untuk membekalkan akaun-akaun yang diodit untuk harta pusaka Yeap Hock Hoe, bagi tahun-tahun 1985, 1986, dan 1987. Pertamanya, Liew Kok Wah telah menjelaskan mengapa beliau tidak dapat membekalkan akaun-akaun yang dioditkan bagi tahun-tahun berkenaan. Dalam afidavit jawapannya kepada permohonan ini seperti di lampiran 19, Liew Kok Wah telah menyatakan:

> Selanjutnya, saya menegaskan bahawa defendan tidak dapat membekalkan akaun-akaun yang diodit bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 atas alasan bahawa akaun-akaun bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 tidak dioditkan kerana surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka tersebut hanya dikeluarkan pada 11-5-1988 dan diekstrakkan pada bulan Ogos 1988. Oleh yang demikian, defendan hanya dapat membekalkan kepada plaintif-plaintif akaun-akaun yang tidak diodit bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 ... .

Dari kenyataan tersebut, Liew Kok Wah telah memberikan alasan yang munasabah mengapa pihak defendan tidak dapat membekalkan akaun-akaun berkenaan. Sebenarnya menurut Liew Kok Wah seperti yang dinyatakan di afidavit balasannya, bahawa beliau telah sedaya usaha mencari satu firma akauntan yang sudi mengodit akaun bagi tahun-tahun berkenaan dan hanya baru-baru ini berjaya melakukannya. Oleh itu adalah menjadi pendapat saya bahawa, soal Liew Kok Wah dengan sengaja tidak mahu mengikut perintah mahkamah bertarikh 8 Februari 1999, tidak timbul.

Keduanya, apabila perintah mahkamah bertarikh 8 Februari 1999 diteliti, ia tidak dengan spesifiknya menyatakan bahawa defendan dikehendaki mengemukakan akaun-akaun yang dioditkan bagi tahun 1985, 1986 dan 1987. Perintah hanya menyebut "akaun-akaun terkini yang dioditkan". Sudah tentu akaun 1985, 1986 dan 1987 tidak boleh dikategorikan sebagai akaun terkini, kepada perintah yang dibuat pada 8 Februari 1999. Pada pendapat saya "akaun-akaun terkini" bermaksud akaun semasa atau terdekat, dan dalam hal ini Liew Kok Wah telah memberikan akaun-akaun yang dioditkan dari tahun 1988 sehingga 1998. Pada saya, Liew Kok Wah telah memberikan melebihi dari apa yang boleh dimaksudkan dari perintah mahkamah tersebut.

Kesimpulannya, saya berpendapat bahawa perintah mahkamah bertarikh 8 Februari 1999 tidak boleh dijadikan asas kepada permohonan plaintif-plaintif untuk mengkomitkan Liew Kok Wah atas alasan bahawa Liew Kok Wah telah gagal membekalkan pihak plaintif akaun-akaun yang diodit bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 kerana perintah tersebut adalah tidak jelas. Saya berpendapat bahawa kes ini bukanlah kes di mana mahkamah dengan menggunakan budibicaranya boleh membuat perintah pengkomitan ke atas Liew Kok Wah atas sebab penghinaan mahkamah. Oleh itu saya menolak permohonan plaintif-plaintif dengan kos.